

# **GARIS PANDUAN PENUBUHAN PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (RCoE) DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**

## **1.0 TUJUAN**

Tujuan Garis Panduan Penubuhan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (RCoE) dibuat adalah bagi menetapkan satu peraturan penubuhan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (RCoE) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

## **2.0 PANDUAN**

- 2.1 Setiap permohonan penubuhan RCoE harus melalui Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI).
- 2.2 Cadangan penubuhan RCoE di Fakulti/Pusat perlu memenuhi kriteria berikut:
  - 2.2.1 Bidang tumpuan penyelidikan di RCoE Fakulti/Pusat tidak bertindih dengan bidang tumpuan penyelidikan di CoE yang lain.
  - 2.2.2 Bilangan minimum kakitangan bagi setiap RCoE adalah 5 penyelidik tidak termasuk Pasca Doktorat, Felo Penyelidik, Pegawai Penyelidik dan pelajar. Penyelidik adalah terdiri daripada penyelidik UPNM.
  - 2.2.3 RCOE perlu memperolehi geran terkumpul sebanyak RM 1,000,000.00 bagi bidang Sains dan Teknologi dan RM 250,000.00 bagi bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan.
  - 2.2.4 Komposisi RCoE boleh terdiri daripada ahli akademik daripada Fakulti/Pusat lain
  - 2.2.5 Ketua RCoE perlu melapor kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat.
- 2.3 PPPI akan menilai berdasarkan penilaian secara objektif (HICoE) dan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JPIU) akan menilai mengikut penilaian secara subjektif. Antara elemen yang akan dinilai oleh JPIU berkenaan penubuhan RCoE baharu adalah seperti berikut:
  - 2.3.1 Penubuhan dan penyelidikan RCoE perlu menggabungkan elemen “perlu” (*need*), “pendekatan” (*approach*), “faedah” (*benefit*) dan “pertandingan” (*competition*) (NABC)
  - 2.3.2 Bidang tumpuan RCoE perlu menepati fokus kluster penyelidikan yang berkaitan
  - 2.3.3 Kekuatan dan prestasi kumpulan penyelidikan hendaklah mematuhi indeks produktiviti
  - 2.3.4 Penyelidik menjalankan penyelidikan yang canggih dan termaju

- 2.3.5 RCoE mempunyai potensi bagi penjana pendapatan
- 2.3.6 Berkemampuan untuk menerbitkan penerbitan jurnal di dalam jurnal berindeks (SCOPUS/ISI/ yang di ambilkira di dalam MyRA
- 2.3.7 Output penyelidikan perlu memberikan impak kepada masyarakat dan berkepentingan nasional
- 2.3.8 RCoE perlu mempunyai kemudahan penyelidikan dan infrastruktur
- 2.4 Penubuhan RCoE yang baharu yang telah disahkan oleh PPPI perlu di perakui dan diluluskan oleh:
  - 2.4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JPIU)
  - 2.4.2 Mesyuarat Senat
- 2.5 Pelantikan Ketua RCoE akan berkuat kuasa selepas kelulusan daripada Mesyuarat Senat dan pelantikan Ketua RCoE perlu mematuhi garis panduan daripada Pejabat Naib Canselor seperti berikut:
  - 2.5.1 PPPI akan mengeluarkan surat kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat bagi pencalonan Ketua RCoE.
  - 2.5.2 Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat akan mencadangkan nama calon Ketua RCoE berdasarkan kelayakan dan kesesuaian calon.
  - 2.5.3 PPPI akan menghantar nama calon Ketua RCoE ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bagi pertimbangan pihak TNCPi dan seterusnya membuat keputusan.
  - 2.5.4 Pejabat TNCPi akan menghantar surat cadangan bagi mencalonkan Ketua RCoE ke Pejabat Naib Canselor bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan.
  - 2.5.5 Surat pelantikan akan dikeluarkan selepas mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada Naib Canselor.
- 2.6 Penilaian penubuhan RCoE akan dinilai pada setiap tahun berdasarkan skor pencapaian berasaskan MyRA.
- 2.7 Prestasi setiap RCoE akan dinilai berdasarkan output penyelidikan dalam jangka masa 2 tahun selepas penubuhan.

<b>Rekod Kelulusan</b>	
LPU	
EXCO	
Senat	<b>Bil 4/2015 – 28 Mei 2015</b>
JPIU	<b>Bil 2/2015 – 1 Julai 2015</b>

